

# **PERANAN SULTAN DALAM PERKEMBANGAN ISLAM DI NEGERI PAHANG**

## ***(THE ROLE OF SULTAN IN SPREADING ISLAM IN STATE OF PAHANG)***

Muhammad Ikhlas Rosele  
Rahimin Affandi Abd Rahim  
Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali  
Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya

### **Abstrak**

Islam yang bertapak di Malaysia mempunyai sejarah yang unik. Persoalan mengenai kedatangan Islam sehingga kini masih dalam usaha untuk dirungkai. Setiap entiti dan sosok memainkan peranan tidak kira dari sudut penerimaan, penyebaran dan pengamalan Islam yang kini menjadi agama rasmi di Malaysia. Begitu juga peranan institusi Raja atau Sultan yang peranannya dan sumbangannya tidak dapat dinafikan dalam mempertahankan dan menyebarkan Islam. Justeru, artikel ini cuba melakukan analisis mengenai Kesultanan Pahang dan peranannya dalam penyebaran Islam di negeri Darul Makmur tersebut. Artikel ini melihat peranan tersebut dari beberapa sisi antaranya, hubungan sultan dengan ulama', Hukum Kanun Pahang, peranan Sultan dalam perlembagaan dan peranan sultan dalam memelihara keharmonian agama Islam.

**Kata kunci:** Kesultanan Pahang, penyebaran Islam, ulama', Hukum Kanun Pahang.

---

\* Artikel ini adalah antara hasil projek penyelidikan bawah Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang yang bertajuk "Rekonstruksi Sejarah Islam di Pahang."

### *Abstract*

*Islam in Malaysia has a unique historical background. The question on how Islam came to Malay Archipelago is still debated and has yet to be explained definitively. Throughout history, many entities have contributed in terms of how Islam came to be accepted, spread and practiced, and ultimately attained official status in Malaysia. The role and contribution of royal institutions in spreading and protecting Islam is significant and well documented. This article analyses the role of the Pahang sultanate in spreading Islam in that state. It reviews that role from different viewpoints, such as relations between the Sultan and Islamic scholars (ulama), the Hukum Kanun Pahang (Canonical Law of Pahang), the role of Sultan as defined in the state constitution, and his contributions to the maintenance of Islam in the Malay Archipelago.*

**Keywords:** *The Sultanate of Pahang, the spreading of Islam, ulama', the Law of Pahang.*

### **Pengenalan**

Negeri Pahang mempunyai sejarah yang unik. Ia merupakan negeri yang mempunyai ketamadunan yang tersendiri. Dalam catatan sejarah telah membuktikan bahawa negeri Pahang sebelum diperintah oleh kerajaan Melayu Melaka telah pun dilawati oleh pengembara-pengembara dan penulis-penulis berbangsa Arab dan China. Negeri itu telah dikuasai oleh kerajaan Seri Wijaya (Palembang), kemudian diperintah oleh raja-raja Ligor (Melayu) yang dikuasai oleh Siam dan dalam kurun ke-14 Masihi bawah kuasa kerajaan Majapahit (Buyong, 1972). Hal ini membuktikan bahawa Pahang merupakan negari yang dikenali oleh para pengembara dan menjadi kawasan pemerintahan kerajaan yang besar-besar. Perihal negeri Pahang telah dicatat oleh seorang pengembara Arab Mas'udi dalam karangannya *Muruj al-Dhahab* (Wheatly, 2010):

“Di-laut Kanderang ramai orangnya, termasuklah orang yang disebut Fanjab yang berambut ikal dan berbentuk badan yang ganjil rupa-nya. Mereka menggunakan perahu kecil, dan datang datang mengelilingi sa-barang kapala yang tiba ka-

tempat nereka, dan mereka melepaskan (memanahkan) sa-jenis anak panah yang ganjil dan berachun. Di-antara tempat orang-orang ini dengan negeri Kalah ada-lah lombong-lombong timah dan gunung-gunong yang mengandungi perak. Ada juga lombong-lombong emas dan timah yang jarang-jarang dibongkar mengeluarkan-nya.”

Menurut G. R. Tibbets (1956) perkataan Laut Kanderang adalah merujuk kepada Laut China Selatan, dan Fanjab pula adalah Fanhan yang merujuk kepada Panghang atau Panhang, iaitu Pahang.

Negeri Pahang juga dikenali sebagai sebuah negeri yang makmur dan menjalankan aktiviti laut. Selain itu, ia pernah diiktiraf sebagai sebuah kerajaan yang besar di Alam Melayu. Perkara tersebut jelas dinyatakan oleh Godinho de Eredia yang menyatakan bahawa negeri Pahang adalah tempat kerajaan Melayu kedua selepas Kerajaan Melayu Patani di Semenanjung Tanah Melayu (W. Linehan, 1936). Selain itu, Pahang dan Tioman juga merupakan kawasan perlabuhan kapal dagang disamping Jawa, Sriwijaya, Kedah, Jambi dan Palembang (Nurul Wahidah, Ali & Saim, 2011). Kenyataan mengenai Pulau Tioman dan Pahang sebagai tempat perlabuhan kapal telah dijelaskan dalam karangan Abu Zaid al-Sirafi (Wheatly, 2010) bertajuk *Akhbar al-Sin wa al-Hind* (Bosworth, Van Donzel, Lewis & Pellat, 1980) yang telah dikarang pada tahun 851 Masihi (Lunde, 2005).

Oleh itu, dapat dikenalpasti bahawa kerajaan Pahang telah wujud sejak sekian lama dengan menjalankan aktiviti laut dan perdagangan. Kerajaan Pahang ini diperintah oleh raja yang bukan beragama Islam. Namun kedatangan Islam telah merubah era pemerintahan di negeri Pahang berpandukan wahyu Tuhan. Kedatangan Islam terus berkembang pesat di seluruh negeri Pahang berasaskan usaha dakwah yang dilakukan. Usaha dakwah di Pahang dilakukan oleh pelbagai pihak antaranya para pedagang dan para ulama. Selain itu, pemerintah atau sultan juga memainkan peranan yang besar dalam mengembangkan Islam di Pahang. Oleh itu, kajian ini menjalankan tinjauan terhadap peranan sultan dalam usaha mengembangkan Islam di Negeri Pahang Darul Makmur.

## **Kesultanan di Dalam Islam**

Pemerintah atau *ulil al-amr* ialah khalifah Allah di bumi. Diamanahkan oleh Allah untuk memerintah akan rakyat, mentadbir alam dan mengurus sumber tabii. sebagaimana yang disebut dalam kata-kata masyhur Arab mengenai tugas pemerintah atau sultan (al-Sawi, t.t.):

حِرَاسَةُ الدِّينِ وَسَيَاسَةُ الدُّنْيَا بِهِ

Memelihara agama dan menguruskan dunia dengannya  
(dengan agama).

Pemerintahan dan pentadbiran adalah berlunaskan konsep imamah. Sebagaimana dalam solat jemaah makmum wajib mengikuti imam, begitu jugalah dalam konsep kenegaraan. Manakala kuasa yang diperolehi sultan merupakan amanah Allah SWT kepada manusia yang perlu digunakan secara betul sejajar dengan kehendak yang dituntut oleh syari'ah (Afifah Abu Yazid, 2004).

Sultan di nusantara merujuk kepada raja atau yang memerintah di sesuatu tempat (Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, 2003) di Nusantara. Pengertian ini tidak berbeza dengan maksudnya menurut bahasa Arab kerana merupakan kata pinjaman. Sultan adalah berasal daripada perkataan arab sa-lu-ta. Sultan dalam Bahasa Arab mempunyai banyak pengertian antaranya; Pemerintah dan wali, kekuatan dan kekuasaan serta hujah dan bukti (*Majma' al-Lughat al-'Arabiyyah*). Namun kesemua pengertian tersebut dapat disandarkan kepada sultan yang memerintah. Hal ini adalah kerana sultan adalah seorang pemerintah yang mempunyai kekuatan dan kekuasaan dalam negara yang diperintahnya dan keputusan yang diputuskan adalah satu keterangan dan hujah.

Sultan pertama (secara kefahamannya) dalam sejarah Islam tidak lain lagi adalah Nabi Muhammad SAW, walau bagaimanapun istilah ini tidak diguna pakai. Istilah yang seerti dengan sultan ini diguna pakai pada zaman awal Islam, antaranya seperti *al-imam*, *al-mamluk* dan *al-khalifah*. Selepas wafatnya Nabi Muhammad SAW, tampuk pemerintahan bagi orang Islam dipegang oleh khalifah al-rasyidun yang empat, iaitu Saidina Abu Bakr, Saidina 'Umar, Saidina Uthman dan Saidina 'Ali r.a.

Gelaran bagi mewarisi pemerintahan dalam Islam ini khalifah sama ada mereka digelar *khalifah Rasul Allah* ataupun *khalifah Allah*. Mereka mempunyai *authority* yang tinggi kerana mewarisi kedudukan agung ini, bahkan mereka adalah legasi penerus tugas Rasulullah SAW. Walau bagaimanapun prestasi sistem khalifah ini dilihat menurun sekitar kurun ke 11. Oleh itu, sistem atau Istilah ini diganti dengan sultan (*al-sultan*) (Karateke, 2005). Mamud (*Yamīn al-Dawlah Abū al-Qāsim Maḥmūd ibn Sebūktigin*) pemerintah Ghazni/Ghazna dikatakan mula-mula memakai gelaran sultan ini (Encyclopedia Britannica). Kekuasaan sultan adalah kurang berbanding khalifah, kerana legasi ini merupakan pewaris tugas khalifah dan diperakukan oleh khalifah. Tambahan pula sultan mengelarkan diri mereka sebagai bayangan Allah di bumi (*zill Allah*) (Karateke, 2005). Kemudian legasi pemerintahan Islam berterusan hingga ke hari ini.

Peranan memelihara agama dan menjaga umat Islam adalah tugas yang berat bagi seseorang. Oleh kerana itulah kedudukan sultan mahupun pemerintah begitu dikagumi dan disegani sejak dahulu lagi. Sultan menjalankan tugasnya dalam pelbagai lapangan (*multi tasking*) demi menegakkan syiar Islam. Menurut al-Mawardi dalam kitabnya *al-Ahkam al-Sultaniyyah* menyenaraikan 10 tugas utama bagi seorang pemerintah atau sultan, iaitu (al-Mawardi, 1973; Imam al-Mawardi, 2000):

1. Memelihara agama sesuai dengan prinsip-prinsip yang diperakui dan apa yang telah menjadi ijma' para salaf. Sekiranya muncul golongan yang membuat bid'ah atau golongan sesat yang menimbulkan *syubhat*, hendaklah dia menegakkan hujjah dan menjelaskan kebenaran kepada mereka, Hendaklah mengambil tindakan yang sesuai dengan hak-hak dan batas-batas tertentu agar agama dapat diperlihara dan membebaskan umat dari kesesatan.
2. Melaksanakan hukum bagi dua orang yang berurusan dan meleraikan dua orang yang bergaduh sehingga keadilan dapat dicapai. Orang yang zalim tidak akan tidak akan malampau dan orang yang dizalimi tidak akan tertindas.

3. Melindungi negara dan tempat-tempat suci agar manusia bebas melakukan kerja dan bermusafir dengan perasaan selamat terhadap diri dan harta.
4. Menegakkan hukuman hudud untuk menjaga larangan-larangan Allah daripada dilanggar oleh manusia dan memelihara hak-hak hamba-Nya daripada sebarang kemusnahan dan kerosakan.
5. Mempertahankan daerah-daerah yang berada di sempadan dengan benteng yang kukuh dan kekuatan tentera yang kuat sehingga musuh tidak dapat masuk untuk memusnahkan kehormatan atau menumpahkan darah orang Islam serta orang yang berdamai dengan orang Islam.
6. Berjihad memerangi orang yang menentang Islam apabila mereka telah didakwahi sehingga masuk Islam, atau masuk dalam perlindungan orang-orang Islam (*abli zimmi*) agar hak Allah iaitu kemenangan terhadap seluruh agama dapat direalisasikan.
7. Mengambil *fai'* dan sedekah selaras dengan apa yang diwajibkan secara nas mahupun ijtihad tanpa rasa takut dan paksa.
8. Menentukan gaji atau apa sahaja yang diperlukan dalam Baitulmal tanpa berlebih-lebihan, kemudian mengeluarkannya tepat pada waktunya iaitu tidak mempercepatkan atau melambatkannya.
9. Mengangkat orang terlatih untuk menjalankan tugas-tugas, dan orang yang jujur dalam menguruskan kewangan, agar tugas-tugas dapat dilakukan oleh orang yang pakar dan kewangan diuruskan oleh orang yang jujur.
10. Turun untuk menangani segala persoalan dan memerhati keadaan, agar dia sendiri yang memimpin ummat dan melindungi agama.

Di alam Melayu satu ketika dahulu istilah yang digunakan untuk pemerintah adalah raja yang merupakan pengaruh bahasa Tamil daripada

agama Hindu. Raja dianggap pemimpin yang dianggap menyamai kedudukan dewa dan memiliki kuasa yang mutlak ke atas rakyatnya, bahkan penghormatan yang diberikan kepada raja kadangkala bersifat penyembahan. Semenjak kedatangan dan penerimaan Islam istilah tersebut ditukarkan kepada istilah “Sultan”. Oleh kerana itu sistem pemerintahan juga berubah selaras dengan prinsip-prinsip pemerintahan Islam (Afifah Abu Yazid, 2004).

### **Sejarah Kesultanan Melayu di Pahang**

Di Malaysia, kerajaan-kerajaan Melayu telah ditubuhkan seawal abad 1 Masihi. Walaupun tidak ada penulisan yang jelas mengenainya, tetapi beberapa buah negeri dan kerajaan telah wujud melalui cerita rakyat atau sejarah lisan. Antara kerajaan-kerajaan itu ialah Bruas, Gangga Negara, kerajaan Puteri Saadong dan kerajaan Kedah Tua. Bahkan Pahang juga dikatakan sebagai sebuah kerajaan Melayu kedua terbesar selepas Kerajaan Melayu Patani di Semenanjung Tanah Melayu (W. Linehan, 1936).

Namun sejarah mengenai kerajaan Melayu-Islam awal di Pahang sukar untuk diperjelaskan. Walaupun penemuan batu nisan di Kampung Permatang Pasir telah membuka lembaran baru dalam sejarah Islam di Pahang, tetapi fakta mengenai kerajaan Islam di Pahang masih samar melainkan melalui Kesultanan Melayu Melaka. Berasaskan alasan tersebut, maka penjelasan mengenai sejarah Kesultanan Melayu Pahang dalam penelitian ini dimulakan dengan penaklukan Kesultanan Melayu Melaka.

Kerajaan Melayu Pahang ditadbir oleh seorang sultan yang mempunyai kuasa penuh dalam urusan pentadbiran negara. Sultan juga berperanan sebagai ketua dalam agama Islam dan ketua negara. Sultan juga bertanggungjawab memastikan pentadbiran dapat dijalankan dengan baik dan berkesan (Abdul Jalil, 2014). Menurut Hikayat Pahang, Sultan Pahang berperanan dalam menyebarkan undang-undang Islam dan undang-undang adat (Milner, 1981).

Kesultanan Melayu Pahang telah diasaskan oleh Kesultanan Melaka, iaitu sultan pertama di Pahang ialah Sultan Muhammad Shah. Sultan Mansur Shah telah menghantar anakandanya iaitu Sultan Muhammad

Shah untuk ditabalkan di Pahang pada sekitar 1470 M (Aruna Gopinath, 1993). Baginda bersemayam di Tanjung Langgar dan telah berkahwin dengan Puteri Kelantan yang bernama Puteri Mayang Mengindera. Perkahwinan Baginda dan pemaisurinya itu telah dikurniakan tiga orang putera iaitu Raja Ahmad, Raja Abdul Jamil dan Raja Mahmud. Baginda mangkat pada 1475 dan dimakamkan di Kampung Dusun Pinang, Pahang Tuan, Pekan, Pahang. Kemudian baginda melantik Sultan Abdul Jamal sebagai Penggantinya (Abdullah Ishak, 1990). Setelah itu, Pahang terus berada bawah legasi kesultanan taklukan Melaka.

Walau bagaimanapun Pahang tidak terus berada bawah taklukan Melaka, ini kerana pada 1617 kerajaan Aceh telah menakluk negeri Pahang (Abdul Rahman, 1981; Zakaria, 1972) dan pada tahun 1639 Sultan Abdul Jalil Shah berjaya menakluk Pahang dan mengisytiharkan diri baginda sebagai Sultan Johor dan Pahang. Oleh kerana itu, Pahang berada bawah taklukan Johor hingga tahun 1824.

Pada Tahun 1824, pihak Belanda telah mengikat perjanjian dengan Inggeris yang mengakibatkan pemisahan pemerintahan antara Riau dengan Johor dan Pahang. Setelah kuasa Raja di Riau dirampas oleh Belanda, maka pemerintah Pahang dan Johor telah mengisytiharkan pemerintahan sendiri dengan memakai gelaran Sultan (Abd Jalil, 2012). Kesultanan Pahang bermula dengan Sultan Ahmad al-Mu'adzam Shah pada tahun 1882. Dalam Hikayat Pahang ada menyebut kisah pertabalan Sultan Ahmad sebagaimana berikut (Kalthum Jeran, 1986):

Ketika yang baik, berhimpunlah sekalian isi negeri, orang besar-besar daripada jajahan takluk semuanya: telah diangkatlah gelaran nama Yang Mulia itu, iaitu Sultan Ahmad al-Muazzam Syah, Yang Dipertuan Negeri Pahang dan isteri Yang Mulia, Encik Puan Bongsu diangkat (gelaran) Yang Maha Mulia Tengku Ampuan dan serta putera-puteranya sekaliannya...

Setelah berakhirnya pemerintahan baginda pada tahun 1914 Masihi, maka berlangsunglah dengan legasi kesultanan Melayu berikutnya hingga ke hari ini. Jadual berikut adalah senarai sultan yang memerintah negeri Pahang bermula pada tahun 1882:



**Jadual 1: Sultan-Sultan Pahang 1882-Sekarang**

BILANGAN	SULTAN	TEMPOH PEMERINTAHAN	
		DARI	HINGGA
Pertama	KDYMM Al Marhum Sultan Ahmad Al Muadzam Shah Ibni Al Marhum Bendahara Ali	1882	1914
Kedua	KDYMM Al Marhum Sultan Mahmud Ibni Al Marhum Sultan Ahmad Al Muadzam Shah	9 Mei 1914	19 Jun 1917
Ketiga	KDYMM Al Marhum Sultan Abdullah Al Mu'tassim Billah Ibni Al Marhum Sultan Ahmad Al Muadzam Shah	19 Jun 1917	22 Jun 1932
Keempat	KDYMM Sultan Sir Abu Bakar Ri'ayatuddin Al Muadzam Shah Ibni Al Marhum Sultan Abdullah Al Mu'tassim Billah <i>D.K., SIMP., DMN., DK(BRUNEI), DK(JOHOR), DK(PERAK), SPDK(SABAH), GCMG</i>	22 Jun 1932	7 Mei 1974
Kelima	KDYMM Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni Al Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al- Mu'adzam Shah <i>DKP., DK., DKM., SSAP., SIMP., DMN., DK(PERAK), DK(JOHOR), DK(KELANTAN), DK(TERENGGANU), DK(PERLIS), DK(KEDAH), DKMB., DK(BRUNEI), DK(NEGERI SEMBILAN), DK(SELANGOR), QILADAH BADR AL-KUBRA(SAUDI ARABIA), QILADAH AL-SHEIKH MUBARAK AL-KABIR (KUWAIT), GRAND ORDER OF THE MUGUNGHWA(SOUTH KOREA), HON.D. LITT(MALAYA), L.L.D.HC. (NORTHROPUSA), HON. D. SC. (BEDFORDSHIRE, UK)</i>	7 Mei 1974	Sekarang

Sumber: Portal Rasmi Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur

## Kesultanan Pahang dan Perkembangan Islam

Masyarakat Melayu traditional terbahagi kepada dua kelas umumnya, iaitu kelas pemerintah dan kelas yang diperintah. Kelas yang penting adalah kelas pemerintah yang terdiri daripada sultan-sultan dan para pembesar, manakala kelas yang diperintah adalah masyarakat umum. Oleh itu, selaku pemimpin yang berkuasa, Sultan dapat membentuk corak

kehidupan masyarakat (Nik Abdul Aziz, 1980). Ironinya kedatangan Islam ke Tanah Melayu mahupun nusantara kebanyakannya adalah melalui institusi raja. Contohnya; Al-Sultan Makhdum Ala Uddin Malik Muhammad Amin Syah 11 pemerintah Perlak telah mengahwinkan puteri pertamanya, “Puteri Ratna Kamala” dengan Raja Melaka al-Sultan Muhammad Syah dan puteri keduanya “Puteri Gangang” dengan al-Malikussaleh Meurah Silu (Merah Silu) Sultan Samudra Pasai (Wan Hussein, 1980). Perkahwinan ini telah menunjukkan salah satu usaha penghubung antara kerajaan Islam melalui institusi raja bahkan sebagai salah satu medium pengembangan Islam di Nusantara.

Selain itu, Sultan Muhammad Syah telah berusaha mengembangkan Islam, sehingga memberi kesan kepada sekitar Semenanjung Tanah Melayu. Usaha Sultan Muhammad Syah dibantu oleh Pengeran Malik Abdul Aziz Syah (A. Hasjimy, 1974). Contoh lain; Maharaja Sriwijaya, Sri Indravarman (pada 718 Masihi) pernah mengirinkan surat kepada khalifah Umar bin Abdul Aziz. Potongan surat tersebut berbunyi (Azyumardi, 1995):

Daripada Raja kepada sekalian Raja yang merupakan keturunan dari seribu Raja-Raja, yang permaisurinya juga merupakan cucu kepada seribu Raja-Raja, yang taman haiwannya mengandungi seribu gajah, yang di dalam wilayahnya terdapat dua sungai yang mengairi pohon jadam, rempah wangi, buah pala dan limau nipis yang aromanya tersebar sejauh 12 batu. Ke hadapan Raja Arab yang tidak menyembah tuhan-tuhan yang lain selain Allah. Aku telah mengirim padamu satu hadiah yang tidak seberapa sebagai tanda persahabatan. Aku mohon agar kamu menghantar padaku seseorang yang boleh mengajarku tentang Islam dan menerangkan padaku undang-undang.

Melalui kuasa dan kedudukannya sebagai raja mampu berinteraksi dengan Khalifah Islam lantaran berupaya untuk membawa dan mengembangkan Islam di Nusantara. Dalam rentetan sejarah kesultanan Islam, terbukti telah ramai raja yang membantu mengembangkan dakwah Islam di Nusantara. Contohnya ialah seperti al-Malik al-Zahir (1326-

1346) di Pasai, Sultan Muzafar Syah (1530-1594) di Patani, Sultan Saiful Rijal (1578-1589) di Brunei, Sultan Iskandar Muda (1607-1636) di Aceh, Sultan Muhammad Jiwa di Kedah (1710-1760), Sultan Azimuddin (1735-1748) di Sulu selatan Filipina, Sultan Iskandar Zulqarnain (1756-1780) di Perak, Sultan Muhammad II (1837-1886) di Kelantan dan Sultan Zainal Abidin III (1888-1918) di Terengganu. Kesemua mereka didapati berusaha menghayati, mengamalkan dan seterusnya menyebarkan agama Islam di Nusantara. Mereka juga telah memainkan peranan utama dalam menegakkan dasar-dasar Islam dalam sistem bernegara (Bharuddin, t.t.).

Di Semenanjung Tanah Melayu sejarah telah membuktikan peranan Sultan dalam mempertahankan Islam, Pada tahun 1791, Sultan Abdullah di Kedah telah mengisytiharkan 'jihad' terhadap British. Islam merupakan faktor penentu bagi Sultan Kelantan dan Sultan Terengganu menghantar angkatan tentera membantu Patani dari serangan Siam dalam tahun 1832. Peperangan Nanning, Peperangan Perak, dan penentangan terhadap British di Pahang (Raja Nazrin Shah, 2007).

Begitu juga Kesultanan Pahang, setiap legasi tidak kira ketika dalam taklukan Melaka, Aceh dan Johor, sultan-sultan yang memerintah negeri Pahang memainkan peranannya dalam penyebaran dan pengembangan Islam kepada masyarakat. Makalah ini melihat pengembangan Islam di Pahang melalui dimensi dan perspektif yang berbeza. Perbincangan dilakukan mengikut sub topik seperti berikut:

### **Hubungan Sultan dengan Ulama**

Ulama dan umara (merujuk kepada sultan) walaupun dilihat melalui jalan yang berbeza secara zahirnya, akan tetapi hakikatnya ia menuju selari ke arah tujuan yang sama. Ulama dan umara tidak boleh dipisahkan, gandingannya telah berlaku sejak kedatangan awal Islam di Alam Melayu (Raja Nazrin Shah, 2007). Ulama dan umara saling imbang mengimbangi dalam menegakkan syariat Islam, amar makruf dan nahi munkar (H. Muhammad, 2005) dan mengembangkannya kepada masyarakat. Oleh itu, tidak lengkap sekiranya sesebuah kerajaan Islam tanpa dibelakangi oleh seorang ulama.

Sekiranya merujuk kembali kepada period pemerintahan Islam iaitu period pemerintahan komuniti umat (pada zaman Nabi dan Sahabat, period pemerintahan khalifah, period pemerintahan sultan dan kerajaan dan period pemerintahan negara bangsa menunjukkan bahawa hubungan ulama dan pemerintah terjalin secara dinamis (Mutohharun, 2011). Mengambil satu contoh hubungan ulama dengan sultan di Nusantara hubungan Siheikh Abdul Rauf Singkel dengan sultan yang memerintah Aceh. Beliau mempunyai hubungan rapat dengan Sultan Iskandar Muda, bahkan pada ketika Sultan Iskandar Muda masih kecil pernah berguru dengan beliau (Ali, 2009). Sultan Iskandar Muda juga menubuhkan lembaga penasihat sultan yang disebut “Balai Gadang”. Anggota lembaga ini terdiri sebanyak 22 orang ulama’ yang berperanan membantu sultan dalam semua urusan (Ali, 2009).

Kedatangan ulama-ulama besar ke Pahang antaranya telah membuktikan keadaan sosiobudaya masyarakat negeri Pahang. Antara contohnya kehadiran Hamzah Fansuri dan Nuruddin al-Raniri. Hamzah Fansuri telah datang ke Pahang (Abdul Hadi & Ara, t.t.) menuju ke Lubuk Pelang untuk mendalami ilmu Hakikat dan Tasawuf (Abdul Jalil, 2014). Pusat pengajian ini yang bertempat Bukit Ketupat, Jerantut telah menjadi pusat pengajian tumpuan sekitar tahun 1490 hingga 1640 di bidang tasawuf (Abdul Jalil, 2014). Syeikh Nur al-Din al-Raniri juga pernah menetap di Pahang ketika mana Pahang ketika itu berada di bawah kekuasaan Aceh. Di Pahang jugalah beliau meningkatkan penguasaan Bahasa Melayu (Abdul Rahman al-Ahmadi, 1981) dan menulis kitab satu kitab yang bertajuk *al-Sirat al-Mustaqim*, iaitu pada tahun 1044H (sekitar 1634M) (Haji Mat Saad, 2004) dan selesai penulिसannya pada tahun 1644 Masihi (Teuku Iskandar, 2007). Daripada kehadiran dua orang tokoh (ulama) besar ini dapat menjelaskan bahawa kedudukan Islam diterima dan sentiasa berkembang di Pahang. Kehadiran mereka berdua juga tidak mendapat tentangan mahupun halangan dari pihak Istana (Sultan) yang berkuasa. Keterbukaan inilah yang telah membuka ruang perkembangan Islam dalam masyarakat di Pahang.

Beberapa senarai ulama telah muncul di Pahang. Mereka dari pelbagai latar belakang dan memberi sumbangan terhadap penyebaran dan keilmuan Islam dari pelbagai aspek. Salah seorang ulama yang akan

diketengahkan dalam artikel ini ialah Haji Uthman Senik<sup>1</sup>. Beliau merupakan seorang yang mendalami ilmu agama dan hikmah. Oleh sebab keilmuan dan kemasyhuran beliau sebagai ulama, membuatkan ramai yang berminat untuk menuntut ilmu kepada beliau. Sehingga Sultan Pahang ketika itu, Sultan Ahmad juga berkenan melantik beliau sebagai Mufti Kerajaan Pahang Darul Makmur. Beliau telah menjadi orang terkemuka di Kerajaan Pahang, mengajar kaum keluarga Diraja Pahang di istana, selain mengajar orang awam. Beliau menjadi Mufti Pahang selama 20 tahun sehinggalah meninggal dunia (Wan Mohd. Shaghir, 2014). Beliau berkhidmat menjadi Mufti bawah tiga sultan, iaitu Sultan Ahmad, Sultan Mahmud dan Sultan Abdullah (Abdul Rahman, 1997). Hubungan seperti inilah telah menonjolkan peranan Sultan dalam memberi perhatian terhadap ilmu agama Islam di Pahang.

Selain Mufti Haji Uthman Senik, Habib Syed Hassan al-Attas<sup>2</sup> juga merupakan ulama yang masyhur di Pahang. Beliau mempunyai hubungan yang baik dengan masyarakat bahkan dengan raja-raja melayu, termasuk Sultan Pahang ketika itu (Rafiuddin Afkari & Siti Madfiah, 2014). Oleh kerana interaksi yang baik dengan kerabat di-Raja, menjadi antara satu faktor yang memudahkan beliau untuk mendirikan Madrasah al-Attas di Pekan, Pahang dan *Madrasah al-Attas* di Kuala Tekal (telah diubah namanya kepada *Madrasah al-Islah*) (Saliturahim, Kamaruzaman & Azizi, 2012). Madrasah yang ditubuhkan Habib Syed Hassan al-Attas hingga

---

<sup>1</sup> Nama penuhnya adalah Tuan Guru Haji Utsman bin Haji Senik bin Haji Ibrahim bin Haji Salim. Tahun kelahiran beliau belum dapat dipastikan, ada pendapat yang menyatakan beliau dilahirkan pada tahun 1838 M di Kampung Gaung, Pendik, Kelantan. Beliau meninggal dunia pada 12 Ramadan 1336 Hijrah bersamaan dengan 21 Jun 1918 Masihi (Wan Jamaluddin, 1982) dan dikuburkan di perkuburan Ketapang Hilir, Bandar DiRaja, Pekan, Pahang. Beliau menimba ilmu dari Syekh Abdul Qadir (Tok Bendang Daya II) 'Abdul Rahman bin Syekh Haji Wan Mustafa al-Fathani yang mengajar di Masjid al-Haram, Mekah (Mat Rofa, 2009). dimana beliau mempelajari ilmu Bahasa Arab seperti nahu, sharaf dan lain-lain, asas tauhid, fikah dan tasawuf. Beliau turut mendalami ilmu hikmat yang dibangsan kepada Imam al-Buni seperti tersebut dalam Syamsul Ma'arif al-Kubra, Mujarrabat dan lain-lain (Wan Mohd Shaghir, 2014).

<sup>2</sup> Nama penuh beliau adalah Syed Hassan bin Ahmad bin Zain al-Attas. Nasabnya bersambung dengan Rasulullah SAW, beliau merupakan seorang ulama' di zamannya. Datuk kepada Habib Hassan adalah Habib Zain. Habib Zain telah berhijrah Tanah Melayu dan bermastautin di Negeri Pahang. Habib Hassan dilahirkan pada tahun 1832 Masihi di Kampung Maulana berhampiran dengan Istana Tun Ali (Rafiuddin & Siti Marfiah, 2014). Habib Syed Hassan al-Attas juga merupakan ulama yang masyhur di Pahang. Beliau dianggap sebagai tokoh korporat selain pendidik peringkat awal di Pahang.

kini menjadi satu pusat pengajian agama Islam dan menjadi antara faktor pengukuhan Islam di Pahang.

Jihad *ta'limi* juga berlaku di Pahang pada sekitar kurun ke-19 Masihi. Lahirnya banyak ulama' yang memberi sumbangan kepada keilmuan di Pahang ketika itu. Antaranya adalah Mufti Haji Uthman Senik, Mufti Mukhsin bin Habib Abdul Rahman Imam Perang Sanggang (1820-1900), Mufti Haji A. Shukur Haji Abd Kadir dan Mufti Habib Mohammad Amin yang merupakan mufti pertama dilantik oleh Sultan Ahmad Syah (Amnah Saayah, et.al, 2014). Senarai ini antara tokoh yang kebanyakannya merupakan mufti kepada Sultan. Mereka berada di samping pemerintah dalam berjihad melalui lapangan keilmuan.

### **Hukum Kanun Pahang**

Sebelum kedatangan Islam, undang-undang yang diamalkan di negeri-negeri Melayu adalah undang-undang adat. Apabila Islam datang ke Tanah Melayu, undang-undang Islam telah diserap masuk di samping undang-undang adat (Mohd Fauzi, 2004). Terdapat banyak penulisan undang-undang di Tanah Melayu antaranya Hukum Kanun Melaka, Hukum Kanun Kedah, Hukum Kanun 99 Perak dan Hukum Kanun Melaka. Hukum Kanun Melaka dikatakan teks perundangan tertua di Tanah Melayu.

Mengenai Hukum Kanun Melaka, ia merupakan satu penulisan perundangan (Abdul Kadir, 1996). Daripada Hukum Kanun Melaka, dapat dikesan pengaruh Islam ke atas masyarakat Melayu. Hukum kanun Melaka ini secara jelas telah diresapi dengan unsur-unsur Islam yang bercampur aduk dengan sistem adat tempatan (Hooker, 1978). Motif utama penulisan hukum kanun ini adalah untuk mengatur kelangsungan masyarakat zaman itu yang digambarkan sebagai sebuah empayar *maritime* Melayu yang cukup kompleks (Syed Agil Syed Omar, 1994). Kepentingan hukum kanun ini amat terserlah apabila kemudiannya ia telah ditiru oleh negeri-negeri lain (termasuk negeri Pahang) di Tanah Melayu bagi tujuan yang sama (Rahimin Affandi, 2000).

Hukum Kanun Pahang telah digubal berasaskan Hukum Kanun Melaka, dan sebahagiannya juga dikutip daripada Undang-Undang Johor.

Hukum Kanun Pahang telah dijadikan perlembagaan negeri itu sejak tahun 1592 ketika zaman Sultan Abdul Ghafur Muhiyuddin Shah (Sultan Pahang yang ke-12 berketurunan raja Melaka) (Abd. Jalil, 2002). Lanjutan daripada itu juga Pahang diisytiharkan sebagai *Dar al-Islam* oleh Sultan Abdul Ghafur Muhiyuddin Shah pada tahun 1592 (Abdul Jalil, 2014). Hukum Kanun Pahang merupakan hukum kanun yang berkembang dan didapati pengaruh besar undang-undang Islam jika dibandingkan dengan undang-undang adat Melayu dalam peruntukan-peruntukannya. Sepertimana Hukum Kanun Melaka, Hukum Kanun Pahang telah banyak menerapkan ajaran serta hukum Islam terutamanya dalam hukuman jenayah (Zaini, 2004).

Sengaja dibawa disini mukadimah Hukum Kanun Pahang menyatakan bahawa sultan ialah puncak kuasa yang dibantu oleh mangkubumi, penghulu bendahari, temenggung, hulubalang, bendahara, syahbandar dan menteri (Fang, 2013). Daripada penjelasan mengenai Hukum Kanun Pahang dapat digambarkan bahawa sultan merupakan ketua dalam segala urusan di negeri Pahang termasuk urusan keagamaan. Wujudnya serapan undang-undang Islam dalam Hukum Kanun Pahang yang menunjukkan peranan sultan mengaplikasikan ajaran Islam kepada masyarakat. Hukum Kanun Pahang juga membuktikan kecenderungan sultan dalam mengatur hidup masyarakat bersandarkan lunas-lunas hukum adat dan hukum syarak.

### **Peranan Sultan dalam menjaga keharmonian agama Islam**

Sultan sebagai pemerintah yang dianggap sebagai *zill Allah fi al-ard*<sup>3</sup> bertanggungjawab dalam menjaga keharmonian dan keselamatan agama Islam. Namun perkara ini bukanlah sesuatu perkara yang asing bagi sultan Pahang, berikutan institusi-institusi agama berada di bawah naungannya. Oleh itu isu-isu yang mampu menggugat kesejahteraan Islam dapat dibendung melalui institusi yang berkaitan. Sokongan sultan juga penting dalam menyelesaikan masalah-masalah yang timbul. Permasalahan yang menggugat kesejahteraan Islam seperti isu murtad, ajaran sesat, penzinaan, masalah perkahwinan, undang-undang syarak semuanya boleh dibendung

---

<sup>3</sup> Ia bermaksud bayangan Allah di atas muka bumi yang mana gelaran ini juga digunakan oleh sultan sewaktu pemerintahan *Khilafah Uthmaniyyah*.

melalui institusi-institusi yang berkaitan. Institusi-institusi tersebut adalah seperti jabatan Mufti, Jabatan Agama Islam Pahang, Mahkamah Syariah dan selainnya.

Antara bentuk lain peranan sultan dalam memelihara keharmonian agama Islam juga adalah tindakan sultan dalam menghadapi penjajah. Tindakan sultan menghadapi penjajah antaranya, ketika zaman pemerintahan Sultan Ahmad Muadzam Shah (Bendahara Wan Ahmad yang diisytihar sebagai Sultan pada 12 Disember 1884) pihak British telah cuba untuk campur tangan. Sultan Ahmad telah melakukan pelbagai tindakan keras untuk menghalang campur tangan British namun tidak berjaya. Walau bagaimanapun baginda tetap berazam untuk mendapatkan kembali kuasanya dan autonomi baginda (Gopinath, 1993). Sultan Ahmad cuba mempengaruhi ketua-ketuanya supaya menentang dan tidak memberi kerjasama dengan pihak British. Baginda beranggapan dengan perbuatan ini akan membawa kegagalan kepada sistem residen. Namun usaha Baginda yang dilihat efektif tersebut berjaya dalam jangka masa pendek sahaja (Gopinath, 1993).

Menurut Prof Abdul Jalil Borham (2012), semasa penjajahan Jepun (1941-1945), Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin al-Mu'adzam Shah secara sulit telah bersetuju supaya orang-orang Melayu dalam negeri Pahang ini untuk menubuhkan pasukan Tentera Wataniah "Force 136" yang diketuai oleh Yoep Mahidin, Tun Haji Abdul Razak Hussain, Tan Sri Ghazali Shafie dan Abdul Rahman Ismail.

### **Sultan, Islam dan Perlembagaan**

Memetik mutiara kata yang dilontarkan oleh Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfullah (2013):

Sebenarnya, takhta ketika ini, berhadapan cabaran lebih kompleks, malah diperlu untuk menyempurnakan peranan yang semakin mencabar dalam orbit moden Malaysia. Keunggulan sifatnya, menjadikan peranan Raja begitu jitu terutama ketika menghadapi keadaan yang mendesak. Ciri-



ciri keunggulan yang membezakannya dari versi stereotaip, memperlihatkan keistimewaan keupayaan, menggabungkan tiga tenaga utama, pertama: institusi takhta, dilambangkan oleh Raja, kedua: institusi demokrasi, dimanifestasikan melalui Perlembagaan, ketiga: institusi moral atas nama Islam. Bahawa kejayaan yang tercipta sehingga kini adalah hasil daripada peranan bersepadu di antara tatanegara sosial dan sivil; gabungan Raja, Perlembagaan dan Islam.

Gabungan yang dimaksudkan oleh baginda mempunyai erti yang bermakna dalam menjelaskan peranan institusi Raja di Malaysia umumnya. Raja, Perlembagaan dan Islam antara perkara yang unik dalam menggambarkan kedudukan Islam di Malaysia yang berbeza dengan negara-negara lain (Kassim Thukiman, Hamidah Abdul Rahman & Suaibah, 2009).

Sebagaimana dimaklumi kedudukan Islam dalam perlembagaan umumnya adalah terbatas. Ini berikutan kepada peruntukan-peruntukan berkenaan yang mengisytiharkan Islam sebagai agama rasmi namun membataskan kedudukan itu. Pembatasan itu berlaku kerana persoalan agama Islam diletakkan di bawah bidang kuasa negeri (Hamid, 1991; Ahmad & Ahilemah, 2002) seperti yang dinyatakan dalam Perkara 74(2); dan butiran 1. Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan mengenai bidang kuasa Negeri dalam hal yang melibatkan agama Islam dan hukum syarak. Pemisahan ini menjadikan Islam merupakan hak eksklusif bagi negeri-negeri (Muhammad Ikhlas, Luqman, Paizah & Mohd Anuar, 2013).

Dalam Perlembagaan Persekutuan jelas menyatakan bahawa raja atau sultan merupakan ketua agama Islam bagi negeri-negeri beraja, manakala Yang di-Pertuan Agong menjadi ketua agama bagi negeri-negeri yang tidak beraja. Perkara ini jelas dinyarakan dalam Perkara 3(2) dan Perkara 3(3) seperti berikut:

- (2) Di dalam tiap-tiap Negeri selain Negeri-Negeri yang tidak mempunyai Raja, kedudukan Raja sebagai Ketua agama Islam di Negerinya mengikut cara dan setakat yang diakui dan ditetapkan oleh Perlembagaan Negeri itu, dan, tertakluk kepada

Perlembagaan itu, segala hak, keistimewaan, prerogatif dan kuasa yang dinikmati olehnya sebagai Ketua agama Islam, tidaklah tersentuh dan tercacat, tetapi dalam apa-apa perbuatan, amalan atau upacara yang berkenaan dengannya Majlis Raja-Raja telah bersetuju bahawa perbuatan, amalan atau upacara itu patut diperluas ke seluruh Persekutuan, setiap Raja lain hendaklah atas sifatnya sebagai Ketua agama Islam membenarkan Yang di-Pertuan Agong mewakilinya.

- (3) Perlembagaan-Perlembagaan Negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak hendaklah masing-masing membuat peruntukan bagi memberi Yang di-Pertuan Agong kedudukan sebagai Ketua agama Islam di Negeri itu.

Peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam perlembagaan persekutuan ini digunakan dengan baik oleh Yang di-Pertuan Agong dan Raja-raja, contohnya; untuk menentukan bermulanya puasa dan tarikh Hari Raya Aidilfitri dan Aidiladha. Hal yang sama juga dengan pengeluaran tauliah kepada guru-guru agama dalam angkatan tentera. Begitu juga dalam era tahun 1971-1976, arak telah dihapuskan dalam majlis dan jamuan rasmi negara. Kemudian dalam tahun 1976-1981 di mana seorang menteri penuh telah dilantik dan dipertanggungjawabkan ke atas hal ehwal agama Islam di Jabatan Perdana Menteri. Manakala dalam tahun 1981-1987 Universiti Islam Antarabangsa, Bank Islam, Syarikat Takaful, Kursus Tamadun Islam serta Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam telah diperkenalkan (Nazri & Ahmad Hidayat, 2012).

Berbalik kepada negeri Pahang. Negeri Pahang merupakan negeri beraja, oleh itu Sultan Pahang adalah ketua agama bagi negeri tersebut sebagaimana yang termaktub dalam perlembagaan persekutuan. Menurut seksyen 3, Bahagian 1, Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam 1991 juga jelas menyatakan posisi sultan, iaitu:

Kecuali sebagaimana diperuntukkan selainnya dengan nyata dalam Enakmen ini, tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Enakmen ini boleh melemahkan atau menyentuh hak-hak prerogatif dan kuasa-kuasa istimewa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan sebagai Ketua Agama Negeri, sebagaimana yang

ditetapkan dalam Perkara 24 Bahagian Pertama Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang.

Manakala menurut Fasal (1) Perkara 24 Bahagian 1 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang:

Ketua Ugama Negeri hendaklah Raja Pemerintah dan Raja Pemerintah, dari satu masa ke satu masa, bolehlah mengeluarkan perintah supaya diadakan lagi apa-apa undang-undang sebagaimana yang patut pada timbangan baginda bagi maksud mengatur hal ehwal agama dan bagi menubuhkan sebuah Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu yang akan digelar dalam bahasa Inggeris “Council of Religion and Malay Custom” bagi menolong dan menasihatkan Raja Pemerintah dalam semua perkara mengenai Ugama Negeri dan Adat Resam Melayu.

Dengan kedudukan sultan sebagai ketua agama menurut perlembagaan dan Undang-Undang Tubuh Negeri Pahang, ia menzhahirkan peranan baginda dalam memastikan kelansungan pengembangan Islam di Pahang. Di samping itu, kedaulatan Islam di Pahang khususnya dan di Malaysia umumnya dapat dipertahankan melalui Institusi Raja. Dengan kewujudan Institusi Raja di Malaysia, mana-mana pihak kerajaan ataupun pembangkang yang berkepentingan, tidak mampu menggugat apa-apa isu berkaitan sensitiviti agama Islam (Arusbaru, 2013).

Selain itu, hakikatnya sultan juga merupakan lambang perpaduan (Shamrahayu, 2012), perpaduan antara bangsa dan agama. Dengan sikap professional dalam menerapkan prinsip perpaduan, sultan sebagai ketua agama Islam mampu menarik penganut agama lain untuk mendekati Islam. Oleh itu, kedudukan sultan sebagai ketua agama di negeri Pahang adalah pendekatan yang sempurna dalam penyebaran, pengukuhan dan perkembangan Islam secara holistik dan komprehensif.

## **Peranan Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Pahang**

Perlembagaan Persekutuan telah meletakkan agama Islam di bawah kuasa pentadbiran sultan. Oleh itu, difahami segala perkara yang melibatkan keagamaan (agama Islam) adalah di bawah kekuasaan sultan. Walaupun begitu, sultan sudah tentu tidak bersendirian dalam mengurus urusan agama Islam, akan tetapi dibantu atau diamanahkan kepada organisasi-organisasi khusus contohnya pusat zakat, institusi fatwa dan majlis agama. Di Pahang, antara institusi yang menonjol dalam menjalankan amanah perkembangan Islam adalah Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Pahang (MUIP). Ia selaras dengan Undang-Undang Tubuh Tubuh Kerajaan Pahang yang menyatakan perlunya diwujudkan sebuah majlis yang menasihati dan membantu sultan dalam pentadbiran hal ehwal agama Islam.

Fungsi MUIP juga jelas dinyatakan dalam Fasal (1), Perkara 24 Bahagian 1, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang, ringkasnya:

1. Membantu dan menasihati sultan mengenai agama Islam dan adat resam Melayu.
2. Mempunyai kuasa, membincangkan dan menjalankan aktiviti berhubung pembangunan agama Islam dan adat resam Melayu.

Oleh itu, jelaslah fungsi utama MUIP dalam membantu sultan mengembangkan agama Islam di Negeri Pahang. Segala aktiviti yang dijalankan oleh MUIP hakikatnya mempunyai hubungan langsung dengan sultan. MUIP juga mempunyai beberapa badan yang menyokongnya dalam menjalankan peranan dan fungsi. Antara badan tersebut adalah Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP). JAIP berperanan melaksanakan dasar yang diputuskan oleh Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang dan Kerajaan serta mengikut peraturan-peraturan yang terkandung dalam enakmen-enakmen yang berkaitan dengan agama Islam negeri Pahang.

Antara peranan lain JAIP adalah melaksanakan program-program ilmiah dan kerohanian, menguatkuasakan undang-undang agama Islam, menyelaras dan mengurus pendidikan agama Islam, membangun institusi keluarga agama, melakukan kajian dan penilaian terhadap urusan

keagamaan seperti aqidah, syariah, moral, sosial, pemakanan dan sebagainya (JAIP). Semua peranan tersebut jelas tidak lain adalah untuk mengembangkan Islam di Pahang.

## **Kesimpulan**

Perbincangan mengenai pemerintah di Tanah Melayu memang sesuatu yang tidak mudah. Namun sejarah telah membuktikan kedudukan raja di Alam Melayu yang memainkan peranan penting dalam sosio politik ketika itu. Daripada raja yang berpengaruh Hindu-Budha kepada sultan yang menyebarkan Islam. Kedatangan Islam melalui pemerintah juga merupakan satu faktor penting yang menggambarkan nilai-nilai istimewa Islamisasi Alam Melayu. Begitu juga Pahang yang dikatakan merupakan satu tamadun Melayu yang hebat akhirnya akur dengan keluhuran Islam.

Di Pahang, sultan memainkan peranan penting terhadap perkembangan Islam. Perkara ini telah dibuktikan melalui pentadbiran yang dilakukan oleh generasi sultan. Artikel ini telah membawa sebahagian kenyataan yang jelas menunjukkan peranan sultan Pahang terhadap penyebaran Islam. Selain itu artikel ini juga secara tidak langsung menyentuh mengenai kedudukan sultan dalam perkembangan Islam di Pahang. Tambahan pula, kedudukan sultan begitu penting dalam memelihara keistimewaan Islam di Pahang khususnya dan Malaysia umumnya.

## **Bibliografi**

“Encyclopædia Britannica,” diakses dari <http://global.britannica.com/EBchecked/topic/573018/sultan> pada 24 Januari 2015.

“Senarai KDYMM Sultan Pahang,” diakses dari laman <http://www.pahang.gov.my/web/guest/senarai-kdymm-sultan-pahang> pada 24 Januari 2014.

“Tanggung Jawab Ulama dalam Membangun Khaira Ummah,” pidato Menteri Agama Republik Indonesia, 20 Julai 2005.

A. Hasjimy. (1974). *Dustur Da'wah Menurut al-Quran*. Jakarta: Bulan Bintang.

- Abd Jalil B. (2012). *Islam di Pahang*. Kuantan: Universiti Malaysia Pahang.
- Abd. Jalil B. (2002). *Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri Johor*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Mara.
- Abdul Hadi W. M & L. K. Ara (t.t.). *Hamzah Fansuri: Penyair Sufi Aceh*. t.tp: Lotkala.
- Abdul Jalil B. (2014). *Legasi Islam di Pahang Wadah Transformasi Jati Diri Umat Gemilang*. Syarahan Umum Profesor Universiti Malaysia Pahang, Dewan Astaka, Universiti Malaysia Pahang, 12 Mac 2014.
- Abdul Kadir M. (1996). *Sejarah Penulisan Hukum Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur, 1996.
- Abdul Rahman A. (1981). *Sejarah Kedatangan Islam ke Asia Tenggara*. Sabah: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Negeri Sabah.
- Abdul Rahman H. A. (1997). *Pemikiran Islam di Malaysia Sejarah dan Aliran*. Yogyakarta: Gema Insani.
- Abdullah Ishak. (1990). *Islam di Nusantara (Khususnya di Tanah Melayu)*. Petaling Jaya: al-Rahmaniah.
- Afifah A. Y. (edit) (2004). *Pengajian Tamadun Asia*. Bentong: PTS.
- Ahmad I. & Ahilemah J. (2002). *Sistem Undang-undang di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ali M. (2009). Peranan Ulama dalam Memartabatkan Tamadun Islam di Nusantara: Tumpuan Terhadap Abdul Rauf Singkel. *Jurnal al-Tamaddun*, 4; 81-98.
- Al-Mawardi, 'Ali bin Muhammad. (1973). *Al-Ahkam al-Sultaniyyah wa al-Walayah al-Diniyyah*. Mesir: Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Al-Sawi, Salah. (t.t.). *Al-Tatarruf al-Dini al-Ra'y al-Akhar*. Al-Afaq al-Dauliah li al-'lam.

- Amnah Saayah I., Norshima Zainal., Wan Kamal M. & Izziah Suryani M. R. (2014). Scholars' Jihad ta'limi in Pahang During the 19th Century. *Middle-East Journal of Scientific Research*, 20(12): 2142-2146.
- Gopinath, A. (1993). *Sejarah Politik Pahang 1880-1935*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arusbaru, "Kedaulatan Sultan Menjamin Masa Depan Islam di Malaysia," 23 Februari 2013 diakses dari <http://arusbaru.my/2013/02/23/kedaulatan-sultan-menjamin-masa-depan-islam-di-malaysia/> pada 25 Januari 2015.
- Azizi Y., et. Al. (2006). *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan*. Selangor: PTS Publications and Distributors.
- Azyumardi A. (1995). *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII*. Bandung: Penerbit Mizan.
- Bharuddin C. P. "Institusi Raja Dan Peranannya Terhadap Penyebaran Islam Di Nusantara," diakses dari [http://umexpert.um.edu.my/file/publication/00004886\\_85011.pdf](http://umexpert.um.edu.my/file/publication/00004886_85011.pdf) pada 24 Januari 2015.
- Buyong A. (1972). *Sejarah Pahang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- C. E. Bosworth, E. Van Donzel, B. Lewis & CH. Pellat (eds.) (1980). *The Encyclopaedia of Islam*. Leiden: E. J. Brill.
- C. E. Bosworth, E. Van Donzel, B. Lewis & CH. Pellat (eds.) (1980). *The Encyclopaedia of Islam*. Leiden: E. J. Brill.
- Dato Sir Mahmud M. (1955). Two Unidentified Muslim Graves at Kampung Permatang Pasir, Pekan District, Pahang. *The Malayan Historical Journal*, 2(2): 137-140.
- DYMM Raja Nazrin Shah. (2013). "Perlembagaan Dan Islam: Peranan Institusi Raja." Seminar Institusi Raja, Lanai Kijang, Bank Negara Malaysia, 5 Jun 2013.

- DYTM Raja Nazrin Shah. (2007). "Gandingan Ulama dan Umara dalam Pembinaan Negara: Sejarah, Realiti dan Masa Depan." Titah Utama Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak Darul Ridzuan Raja Nazrin Shah Di Muzakarah Ulama, Dewan Bankuet, Bangunan Perak Darul Ridzuan, Ipoh, 5 Julai 2007.
- G. R. Tibbets. (1956). The Malay Peninsula as Known to the Arab Geographers. *The Malayan Journal of Tropical Geography*, (IX).
- Haji Mat Saad. (2004). "Sheikh Nuruddin al-Raniri dan Kitabnya Sirat al-Mustaqim (Satu Tinjauan Awal)." Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Manuskrip Islam, Berakas, Brunei, 2004.
- Hamid J. (1991). *The Position of Islamic Law in the Malaysian Constitution*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hooker, M.B. (1978). *A Concise Legal History of Southeast Asia*. Oxford: t.p.
- Imam al-Mawardi. (2000). *Al-Ahkam as-Sulthaniyyah; Prinsip-prinsip Penyelenggaraan Negara Islam*, Fadhli Bahri, Lc. terj. Jakarta: Darul Falah.
- JAIP. "Objektif dan Fungsi," diakses dari <http://jaip.pahang.gov.my/index.php/profil-jabatan/objektif-a-fungsi> pada 13 Februari 2016.
- Kalthum Jeran (edit). (1986). *Hikayat Pahang*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti. *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*. (2003). Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Karateke, Hakan T. (2005). Legitimizing The Ottoman Sultanate: A Framework for Historical Framework. Dalam Hakan T. Karateke & Maurus Reinkowski (eds.), *Legitimizing the Order: The Ottoman Rhetoric of StatePower*, 13-52. Leiden: E. J. Brill.
- Kassim T., Hamidah A. R. & Suaibah. (2009). "Perlembagaan Malaysia Dalam Perspektif Hubungan Etnik." Dalam *Hubungan Etnik Di Malaysia: Perspektif Teori Dan Praktik*, 89-114. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Mara.



- Fang, L. Y. (2013). *A History of Malay Classical Literature*. Singapura: Institute of Southeast Asian.
- Mahayudin H. Y. (1984). *Sejarah Orang Syed di Pahang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Majma' al-Lughat al- 'Arabiyah. (1991). *Al-Mu'jam al-Wajiz*. Mesir: Wizarah al-Tarbiyah wa al-Ta'lim. Mat Rofa I. (2009). "Ilmu Hikmah dalam Kajian Etnosains dan Etnomatematik Alam Melayu." Kertas Kerja dibentangkan di Seminar Bulanan Etnomatematik Rumpun Melayu, Julai 2009.
- Milner, A. C. (1981). Islam and Malay Kingship. *Journal of the Royal Asiatic Society of Great Britain and Ireland*: 46-70.
- Mohd Fauzi M. I. (2004) "Kesalahan-Kesalahan Jenayah dalam Hukum Kanun Melaka Menurut Perspektif Islam: Kesalahan-Kesalahan Berkaitan Hudud." Disertasi ijazah sarjana yang tidak diterbitkan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Ikhlas R., Luqman H. A., Paizah H. I. & Mohd Anuar R. (2013). Konflik Fatwa di Malaysia: Satu Kajian Awal. *Jurnal Fiqh*, 10: 31-56.
- Mutoharun J. MA. (2011). "Relasi Ulama dan Umara Dalam Sejarah Islam." Dalam *Suara Muhammadiyah* 04: 96.
- Nazri M. & Ahmad Hidayat B. (2012). Islam dalam Perlembagaan Persekutuan Dari Perspektif Hubungan Etnik di Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan*. 20: 115-129.
- Nik Abdul Aziz H. N. H. (1980). "Islam, Kepimpinan dan Nilai-Nilai Hidup dalam Masyarakat Melayu Tradisional." Dalam Khoo Kay Kim et. al (ed.), *Tamadun Islam di Malaysia*, 87-93. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Nurulwahidah F., Ali M. & Saim K. (2011). "The Religious-Intellectual Network: The Arrival of Islam in The Archipelago." Dalam Saim Kayadibi (ed.), *Ottoman Connections to The Malay World*. Kuala Lumpur: The Other Press.

- Nurulwahidah F, Ali M. & Saim K. (2011). "The Religious-Intellectual Network: The Arrival of Islam in The Archipelago", In Saim Kayadibi (ed.), *Ottoman Connections to The Malay World*. Kuala Lumpur: The Other Press.
- Lunde, P. (2005). The Seas of Sinbad. *Saudi Aramco World*, 56(4), diakses dari <http://www.saudiaramcoworld.com/issue/200504/the.seas.of.sindbad.htm> pada 13 Februari 2016.
- Wan Jamaluddin W. O. (1982). "Haji Uthman Haji Senik, Mufti Pahang: 1838-1918." Dalam Cheah Boon Kheng (ed.), *Tokoh-Tokoh Tempatan & Dokumen-Dokumen Dalam Sejarah Malaysia*, 114-125. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia. Wan Mohd. Shaghir A. (2014). "Utsman Senik-Mufti Pahang Selama 20 Tahun," 21 jun 2014. Diakses dari [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2004&dt=0621&sec=Bicara\\_Agama&pg=ba\\_01.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2004&dt=0621&sec=Bicara_Agama&pg=ba_01.htm) pada 24 Januari 2015. Wheatley, P. (2010). *The Golden Khersonese*. Kuala Lumpur: University Malaya Press.
- Rafiuddin A. & Siti Madfuah. (2014). Sejarah Pendidikan Islam Tradisional Johor-Riau. *Jurnal Manajemen Pendidikan Islam*, 1(1).
- Rahimin Affandi A. R. (2000). "Fiqh Malaysia: Suatu Tinjauan Sejarah." Dalam Paizah Hj. Ismail & Ridzwan Ahmad (ed.), *Fiqh Malaysia: Ke Arah Pembinaan Fiqh Tempatan yang Terkini*, 21-43. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Saliturahim A., Kamaruzaman Y. & Azizi U. (2012). "Sekolah Agama Islam di Pahang: Satu Kajian Sejarah dan Perkembangan Awal." Kertas kerja yang dibentangkan di Persidangan Kebangsaan Pendidikan Islam 2012 (PKPI 2012), Hotel Royale Bintang, Seremban Negeri Sembilan, 3 - 6 Julai 2012.
- Shamrahayu A. A. (2012). "Kuasa dan Peranan Raja-Raja Melayu Dalam Perlembagaan: Sejarah dan Masa Depan." Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Perlembagaan Malaysia: 'Di Antara Sejarah dan Tuntutan Semasa' anjuran Arkib Malaysia, Auditorium Memorial Tunku Abdul Rahman Putra, Jalan Dato' Onn, Kuala Lumpur, 5 Julai 2012.

- Syed Agil S. O. (1994). Profit-sharing partnership in Malaysian economic history prior to the European influence: a preliminary study. *Jurnal IKIM*, 2(2), 1994: 11-37.
- Syed Husin Ali. (2008). *The Malays: Their Problems and Future*. Selangor: The Other Press.
- Teuku Iskandar. (2007). *Aceh As A Muslim-Malay Cultural Centre (14<sup>th</sup>-19<sup>th</sup> Century)*. Kertas kerja yang dibentangkan di First International Conference of Aceh and Indian Ocean Studies, Banda Aceh, Indonesia, 2007.
- W. Linehan. (1936). *A History of Pahang*. Kuala Lumpur: The MBRAS.
- Wan Hussein A. (1980). "Islam di Malaysia: Kedatangan dan Perkembangan (Abad 7-20M)." Dalam Khoo Kay Kim et. al (ed.), *Tamadun Islam di Malaysia*, 135-157. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Wan Mohd. Shaghir A. (Jun 2014). "Utsman Senik-Mufti Pahang Selama 20 Tahun. diakses dari [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2004&dt=0621&sec=Bicara\\_Agama&pg=ba\\_01.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2004&dt=0621&sec=Bicara_Agama&pg=ba_01.htm) pada 24 Januari 2015.
- Zaini N. (2004). *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia: Sebelum dan Menjelang Merdeka*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors.
- Zakaria A. (1972). *Sekitar Kerajaan Atjeh dalam Tahun 1620-1675*. Medan: Monora.